

SINOPSIS LATIHAN KEMAHIRAN MENGIKUT TAHAP

- Tahap 2** Membantu memajukan perkongsian pasaran dan pengiktirafan jenama melalui maklumbalas pasaran dan menjadualkan maklumat kajian, mengumpul maklumat pasaran, mengumpul-semak bahan-bahan dan maklumat untuk peralatan program dan promosi, mengagihkan bahan-bahan pengiklanan dan maklumat untuk tempat/pusat jualan, menyelenggara rekod-rekod peralatan pejabat, membantu menjadualkan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.
- Tahap 3** Mengawasi kebajikan kakitangan, pembangunan kerjaya dan disiplin, koordinasi dengan Jabatan/Agensi dalaman lain, membantu menyediakan bajet Jabatan, mengkoordinasi sistem fail pejabat, berurusan dengan para pelanggan, pembekal dan kontraktor, menyelia aktiviti penyelidikan pasaran, membantu merancang dan melaksana aktiviti promosi jualan, menguruskan pembangunan produk, membantu pembangunan produk baru dan membantu menyediakan pelan pemasaran.
- Tahap 4** Mengesan dan melaksanakan *Key Performance Indicator* (KPI) dan subordinat yang berkaitan dengannya, membantu menyediakan bajet operasi, membuat ramalan pasaran dan menyediakan pelan tindakan susulan, mengarahkan operasi jualan bagi mencapai sasaran yang ditetapkan, membuat analisis data dan pembentangan, menjalankan aktiviti-aktiviti pengukuhan pasukan kerja melalui pengurusan prestasi yang sempurna, merancang dan mengawal sumber serta menyediakan laporan prestasi kerja kakitangan.